



**Kenyataan Media  
(UNTUK SIARAN SEGERA)  
ISNIN, 30 APRIL 2018**

**TOL PERCUMA DI LEBUHRAYA LATAR PADA 9 MEI 2018 SEMPENA PRU-14  
Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia Pertama Berikan Tol percuma di Hari Pengundian**

KUALA LUMPUR – Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) hari ini **mengumumkan “Tol Percuma” bagi semua kelas kenderaan bersempena dengan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14)** pada Hari Rabu, 9 Mei 2018. Tol Percuma ini akan bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang pada hari pengundian. Ini bertujuan bagi melancarkan dan memudahkan perjalanan para pengguna Lebuhraya LATAR untuk pulang mengundi ke kampung halaman dan kawasan masing-masing pada hari PRU 14 nanti.

Pengarah Urusan Lebuhraya KL-Kuala Selangor, Dato’ Mohamed Raffe Chekku yang merupakan anak jati Ijok, Kuala Selangor terpanggil untuk berbakti kepada masyarakat setempat dengan menawarkan tol percuma terutama sekali kepada komuniti dan kejuranan Ijok, Kuala Selangor, kawasan sekitar serta para pengguna Lebuhraya LATAR.

“Sebagai sebuah syarikat tempatan yang bertanggungjawab, kami menyokong penuh rakyat Malaysia yang mahu pulang mengundi dengan menawarkan perjalanan yang lebih pantas dan selamat bagi menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

Lebuhraya LATAR merupakan gerbang laluan bukan sahaja untuk bandar-bandar kecil di kawasan pantai barat semenanjung tetapi juga kepada bandar-bandar besar seperti Selayang, Rawang, Shah Alam, Sg Buloh dan sebagainya” kata Dato’ Mohammed Raffe Chekku.

“Kami menjangkakan 100,000 orang pengguna yang akan menggunakan Lebuhraya LATAR pada hari tersebut. Pasukan Operasi Lebuhraya LATAR telah bersedia untuk memantau pergerakan trafik pada hari tersebut. Selain itu, lorong tambah nilai di setiap plaza tol di Lebuhraya LATAR tetap beroperasi 24 jam” tambah beliau lagi.

Lebuhraya LATAR merupakan syarikat konsesi lebuhraya Malaysia yang pertama menawarkan Tol Percuma kepada pengguna sempena Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei 2018. Ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat serta perkhidmatan kepada masyarakat.

Pengguna akan menikmati pengalaman optima di Lebuhraya LATAR dimana ianya memberi lebih akses, mudah, selamat dan cepat dalam perjalanan pulang demi masa depan negara. Selamat memandu dan selamat mengundi!

Untuk maklumat lanjut mengenai Lebuhraya LATAR , sila hubungi talian 03-6145 1515 atau dapatkan informasi terkini di [www.facebook.com/latarepressway](http://www.facebook.com/latarepressway) dan [www.twitter.com/Latarepressway](http://www.twitter.com/Latarepressway).

#### **MENGENAI KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD**

KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) merupakan syarikat konsesi Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR) yang dahulunya dikenali sebagai Leburaya Assam Jawa Taman Rimba Bhd (LATAR) dan telah ditubuhkan pada tahun 1996. KLSEB adalah anak syarikat Bina Puri Holdings Berhad (50%) dan Rafulin Holdings Sdn Bhd melalui anak syarikat milik penuh Arena Irama Sdn Bhd,

Pembinaan Lebuhraya LATAR KL-Kuala Selangor dimulakan pada tahun 2008 apabila perjanjian konsesi tambahan telah ditandatangani pada 28 Februari 2008 dengan Kementerian Kerja Raya yang mewakili Kerajaan Malaysia.

Syarikat telah mendapat pembiayaan kewangan pada Oktober 2008 dengan jumlah RM1.04 bilion pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia dan Pembangunan Islam.

Syarikat telah mendapat 40 tahun konsesi di Lebuhraya LATAR di bawah skim Build-Operate-Transfer (BOT) di mana syarikat bertanggungjawab untuk membiayai, merekabentuk, membina, mengendalikan dan menyelenggara lebuhraya tersebut.

---

#### **Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR)**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor (013-2660207) / Hairunnisa Kastolany (012-6881587).

###